


ANUGERAH

# Guru Arif Budiman

---

Hotel Fort Canning

17 November 2012



# ANUGERAH Guru Arif Budiman 2012

Hotel Fort Canning • 17 November 2012

---

ANJURAN BERSAMA



MAJLIS BAHASA MELAYU  
SINGAPURA  
(MBMS)



JAWATANKUASA PEMBELAJARAN DAN  
PENG GALAKAN PENGGUNAAN  
BAHASA MELAYU  
(MLLPC)



PERSATUAN GURU-GURU  
BAHASA MELAYU  
(PGBM)

## *Program*

- 2.00 ptg Pendaftaran
- 2.30 ptg Ketibaan Tetamu Terhormat  
Tarian Selamat Datang oleh Sekolah  
Menengah Anderson
- Ucapan Penggerusi AGAB 2012  
Encik Abdul Harris Sumardi
- Ucapan Tetamu Terhormat  
Encik Teo Chee Hean  
Timbalan Perdana Menteri  
Menteri Penyelaras bagi Keselamatan  
Nasional dan Menteri Ehwal Dalam Negeri
- Persembahan Sajak
- Penyampaian Penghargaan  
– Calon Peringkat Akhir
- Pembacaan Watikah
- Penyampaian Penerima AGAB 2012
- Jamuan
- 4.30 ptg Majlis Berakhir

## *Anugerah Guru Arif Budiman*

Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) diperkenalkan pada tahun 2007 untuk mengiktiraf sumbangan guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Dengan usaha dan iltizam yang tinggi untuk melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan, guru-guru penerima AGAB merupakan suri teladan kepada guru Bahasa Melayu yang lain.

Arif Budiman, visi pendidikan Bahasa Melayu di Singapura merupakan satu daripada saranan Jawatankuasa Penyemakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (MLCPRC) yang ditubuhkan pada bulan Disember 2004 untuk menjalankan penyemakan yang komprehensif tentang pengajaran, pembelajaran dan penilaian Bahasa Melayu.

'Arif dan Budiman' bermaksud insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Seseorang yang berciri Arif Budiman mempunyai kekuatan kognitif, moral, emosi dan sosial. Antara ciri-ciri Arif Budiman termasuklah arif atau berpengetahuan tentang bahasa, budaya, nilai dan sastera dan memamerkan sikap berbudi bahasa serta sentiasa bersedia menabur budi.

Dua bentuk Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) dalam empat kategori ditawarkan setiap tahun, iaitu:

- Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan (Sekolah Menengah/Maktab Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang (Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Teladan diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru sekurang-kurangnya 10 tahun. Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Perangsang pula diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru kurang daripada 10 tahun.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2007, dua puluh orang guru Bahasa Melayu telah menerima Anugerah Guru Arif Budiman. Mereka ialah:

<b>SEKOLAH RENDAH</b>	<b>SEKOLAH MENENGAH/MAKTAB RENDAH</b>
Mohd Naim Daipi	Ishak Abdul Latiff
Mohamad Khir Sapuan	Abdul Malek Ahmad
Nurisham Ismail	Sazali Sahri
Salina Hussin	Noraishah Mostapa
Haryati Surana	Salha Mohammed Hussain
Norashikin Abdul Hamid	Hafsa Mohammad Kassim
Elmi Zulkarnain Osman	Nur Ashikin Sapri
Haniza Abdul Manan	Azyanti Mohamed Mudakir
Muliana Mohammad	Farizan Mohd Amin
Halimatuss'adiah Jaffar	
Ariyanti Sukaimi	

# *Jawatankuasa Penganjur*

## *Anugerah Guru Arif Budiman 2012*



Anugerah Guru Arif Budiman 2012 dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu, Singapura (MBMS) dan Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu (PGBM) dengan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLPC).

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2012 terdiri daripada:

Pengerusi Bersama	Dr Intan Azura Mokhtar (MBMS) Encik Abdul Harris Sumardi (PGBM)
Anggota	Encik Tajudin Jaffar (MBMS) Encik Mohd Saat Abd Rahman (MBMS) Encik Elmi Zulkarnain Osman (MBMS) Encik Roslie Buang Sidek (PGBM) Encik Esfan Rizal Rahwom (PGBM) Puan Wan Wardah Mohd Woojdy (PGBM)
Sekretariat MLLPC	Encik Abdul Khalik Saidin (CPDD, MOE) Encik Suhaimi Sahmat (CPDD, MOE) Puan Rashidah Mohamed Rafei (CPDD, MOE) Encik Bahtiar Kassim (CPDD, MOE) Cik Norzanariah Mohd Said (CPDD, MOE) Cik Siti Noraini Ibrahim (CPDD, MOE)
Sekretariat MBMS	Cik Firda Maisarah Mohd Raffid (NHB, MCCY)



## *Sekapur Sirih*

**Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad**  
Menteri Negara Kanan  
Kementerian Ehwal Luar dan  
Kementerian Ehwal Dalam Negeri  
Dan Pengerusi, Majlis Bahasa Melayu  
Singapura (MBMS)

Guru Bahasa Melayu memainkan peranan yang amat penting dalam proses pembangunan manusia, masyarakat dan negara. Guru Bahasa Melayu menghadapi pelbagai cabaran dalam menyampaikan ilmu pengetahuan bahasa Melayu kepada anak didik mereka. Dalam era globalisasi, peranan guru Bahasa Melayu menjadi semakin kompleks.

Guru yang cemerlang bukan sahaja dapat memupuk minat pelajar dan mengukuhkan kebolehan bahasa mereka, tetapi juga menyediakan mereka dengan pemahaman yang mendalam mengenai budaya Melayu. Kaedah pengajaran yang inovatif di dalam kelas amat penting untuk menentukan keberkesanan pembelajaran pelajar dan sejauh mana mereka akan menggunakan bahasa di luar bilik darjah.

Golongan guru hendaklah memastikan agar martabat guru-guru Bahasa Melayu sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa ke tahap yang lebih tinggi dan dihormati; untuk merealisasikan visi Arif Budiman.

Masyarakat kita harus memahami maksud sebenar konsep guru yang difikirkan Arif serta Budiman. Sejak 2007, guru-guru yang menerima Anugerah Guru Arif Budiman telah berjaya membuktikan bahawa mereka terus tekal merancakkan usaha-usaha seperti memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, memantapkan nilai-nilai luhur, memupuk kecintaan terhadap seni, warisan dan budaya bangsa.

Saya yakin bahawa visi Arif Budiman akan tercapai asalkan kita sama-sama percaya bahawa setiap anak didik kita berpotensi untuk dilentur, dibimbing dan dididik. Saya ucapan tahniah kepada kesemua penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2012.

Pahlawan Melayu gagah berani,  
Hebat berjuang menghapus ancaman;  
Permata budi, mestika rohani,  
Itulah guru arif budiman.

## *Seulas Pinang*



**Encik Hawazi Daipi**

Setiausaha Parlimen Kanan  
Kementerian Pendidikan dan  
Kementerian Tenaga Manusia  
Dan Pengurus, Jawatankuasa Pembelajaran  
dan Penggalakan Penggunaan  
Bahasa Melayu (MLPC)

Bagai mentari yang hilangnya dicari, hadirnya ceria jati diri, pentingnya guru dalam kehidupan kita ini, tidak digusarkan lagi. Bakti dicurah sewajarnya dikagumi. Oleh itu, Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) dianjurkan buat kali keenam bagi mengiktiraf kecemerlangan dan profesionalisme para guru Bahasa Melayu (BM) di Singapura, memang dialu-alukan.

Dalam usaha kita meningkatkan kefasihan para pelajar kita dalam BM, keupayaan guru menyediakan pelajaran yang menarik minat pelajar mempelajari BM di dalam dan di luar bilik darjah amat penting. Guru-guru yang kuat iltizam, tinggi daya kreatif dan gigih berusaha perlu diberikan pengiktirafan. Pengiktirafan seperti AGAB baik sekali dalam menggalakkan guru-guru BM agar meneruskan usaha baik mereka.

Tahniah kepada Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu (PGBM) yang bergabung usaha menganjurkan AGAB tahun ini. Semoga usaha ini menjadi pemangkin untuk meningkatkan martabat guru-guru BM ke arah pencapaian visi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, iaitu Arif Budiman.

Tahniah juga saya ucapkan bukan sahaja kepada keempat-empat penerima AGAB pada tahun ini, bahkan kepada semua guru yang telah dicalonkan. Pasti, mereka telah melakukan sesuatu yang telah meninggalkan kesan positif ke atas kehidupan pelajar mereka. Semoga segala usaha mereka ini menjadi pembakar semangat serta memotivasiakan guru-guru lain dalam memperjuangkan bahasa dan budaya Melayu.

## *Sirih Gambir*



**Encik Wan Imran Mohamed Woojdy**  
Presiden  
Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM)

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada para pemimpin sekolah, ketua jabatan, guru dan pelajar serta ibu bapa yang telah mencalonkan guru-guru untuk Anugerah Guru Arif Budiman 2012. Keprihatinan dan penghargaan terhadap sumbangan para pendidik ini merupakan pentauliahan yang bererti ke atas sumbangan dan pengorbanan guru-guru tersebut.

PGBM mengucapkan tahniah kepada semua guru yang telah berjaya ke peringkat akhir. Para penerima AGAB 2012 merupakan calon-calon yang terbaik yang telah dicalonkan tahun ini. Sumbangan mereka yang menyerlah dalam kedua bidang kurikulum dan kokurikulum telah menjana minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Semoga usaha dan sumbangan para guru ini dapat dijadikan contoh yang baik bagi semua insan yang bergelar guru.

*Bila bekerja tekun dan sabar,  
Punca rezeki terbuka lebar.  
Berfaedah pada diri, bertuah pada negeri,  
Bermanfaat pada umat, berguna pada bangsa,  
Berkat di dunia, rahmat di akhirat, anak cucu selamat.*

PGBM amat berharap para penerima AGAB 2012 dan tahun-tahun sudah, akan sama-sama *mudik menyongsong arus, hilir menyongsong pasang* dalam usaha meningkatkan mutu pengajaran Bahasa Melayu dan nilai-nilai murni. Semoga gandingan ini akan menyemarakkan lagi usaha kita mencapai matlamat Arif Budiman, insan bijak yang sanggup dan mampu menyumbang kepada masyarakat sekelilingnya.

Akhir kata, tahniah dan syabas kepada jawatankuasa pengelola AGAB 2012 yang telah menjalankan amanah dengan baik sekali dan tahniah kepada semua penerima Augerah Guru Arif Budiman 2012. Syabas dan selamat maju jaya.

*Adat hidup Melayu terpuji,  
Sesama makhluk bersuci hati,  
Kepada orang bertanam budi,  
Memberi tidak mengharap ganti.*

## *Sirih Setepak*



Pengerusi Bersama  
Jawatankuasa Penganjur  
AGAB 2012



**Encik Abdul Harris Sumardi**

Naib Presiden

Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM)

**Dr Intan Azura Mokhtar**

Anggota Parliment, Ang Mo Kio GRC  
Majlis Bahasa Melayu, Singapura (MBM)


Kami bersyukur kerana telah diberi amanah menjadi Pengerusi Bersama Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) 2012. Pengalaman ini telah membuka peluang kepada kami mengenali guru-guru Bahasa Melayu dengan lebih mendalam serta sumbangan mereka menerusi pencalonan yang kami terima. Dengan sukacita kami menyatakan bahawa perkembangan pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah rendah dan menengah amat menggalakkan. Guru-guru Bahasa Melayu menunjukkan kesediaan untuk meningkatkan kekaryawanan mereka dengan mendapatkan ijazah atau melalui latihan dalam perkhidmatan dan berusaha meningkatkan pengetahuan serta kemahiran mereka dengan menghadiri persidangan, bengkel, kursus dan sebagainya. Yang amat membanggakan lagi, mereka mempraktikkan kemahiran yang diperoleh dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Nyata sekali, anak didik mendapat manfaat. Pelajaran Bahasa Melayu menjadi lebih menarik dan mereka lebih berminat.

Oleh itu, usaha menghargai sumbangan guru Bahasa Melayu dalam melestarikan penggunaan Bahasa Melayu baku dan kaitan rapatnya dengan pembangunan masyarakat perlu terus diberikan perhatian. AGAB merupakan satu wadah berprestij yang bertujuan mengiktiraf peranan penting guru Bahasa Melayu. Kami yakin, penerima AGAB tahun ini telah berjaya menunjukkan kemampuan mereka mengajar Bahasa Melayu dengan baik, menerapkan nilai-nilai positif dalam diri anak didik mereka dan menyumbang secara langsung kepada masyarakat. Pada masa yang sama, mereka menunjukkan potensi untuk terus meningkatkan nilai bahasa Melayu menerusi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kelas dengan cara yang inovatif dan kreatif, langsung meletakkan bahasa Melayu di persada lebih tinggi.

Para pemenang AGAB 2012 bertanggungjawab untuk terus menjadi suri teladan dan perangsang kepada guru-guru Bahasa Melayu yang lain, berkongsi kemahiran dan pengalaman mereka dan bekerjasama untuk terus meningkatkan mutu dan penggunaan Bahasa Melayu. Dengan demikian, kami yakin AGAB akan dapat mencapai tujuannya menjana lebih ramai guru Bahasa Melayu yang arif dan budiman.

Akhir kata, syabas kami ucapkan kepada semua calon peringkat akhir dan tahniah khusus buat para penerima AGAB tahun ini. Selamat maju jaya memperjuangkan martabat Bahasa Melayu. Setinggi-tinggi penghargaan juga kami hulurkan kepada ahli Jawatankuasa AGAB 2012 yang berjaya menjalankan tugas dengan penuh yakin dan profesional.

Tembikar yang dicipta berilhamkan proses pencarian ilmu. Bahagian bawah tembikar melambangkan ilmu yang telah sebatи manakala bentuk ukiran di atas seperti menggapai langit merupakan usaha simbolik guru untuk terus mencari ilmu. Bekas dan kelopaknya yang masih terlihat membentuk, menekankan betapa ilmu yang dimiliki masih dalam keadaan tidak sempurna dan perlu sentiasa diperhalus dari masa ke semasa. Sepasang tembikar buat kenangan, yang besar melambangkan guru dan yang kecil sebagai murid, betapa kedua-duanya saling bergandingan dalam mengejar ilmu. Guru yang arif sentiasa menjadi teladan yang baik untuk melentur anak didiknya menjadi seorang budiman harapan bangsa dan negara.



*Penerima Anugerah  
Guru Arif Budiman 2012*



**Cikgu Safidah Samsudin**  
Guru Teladan  
Sekolah Rendah Da Qiao



**Cikgu Massuniza Ismail**  
Guru Perangsang  
Sekolah Menengah Balestier Hill



**Cikgu Supandi Djoraemi**  
Guru Teladan  
Sekolah Menengah Dunearn



**Cikgu Muslim Hanafiah**  
Guru Teladan  
Sekolah Menengah Yusof Ishak

## *Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2012*

### *Kategori Teladan (Sekolah Rendah)*

**Cikgu Safidah Samsudin**  
Sekolah Rendah Da Qiao



Baris-baris awal lirik lagu *Bahasa Menjunjung Budaya* ilham pendita kita, Cikgu Muhd Arif Ahmad menjadi pedoman Cikgu Safidah Samsudin mula menyusuri perjalanan kerjayanya sebagai seorang pendidik enam belas tahun dahulu. Perjalanan kerjaya beliau sebagai seorang guru, ketua subjek dan kini mengetuai Jabatan Bahasa Ibunda, telah membolehkan beliau melihat evolusi dan peranan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara ini.

Cikgu Safidah menyedari pentingnya mewujudkan suasana pembelajaran yang sesuai dengan profil murid-muridnya. Untuk itu, beliau memperkenalkan teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dengan menghasilkan pelbagai permainan bahasa. Antaranya, Cikgu Safidah telah menghasilkan permainan kad-kad yang dinamakan ‘Aha! Sama! (seperti permainan *SNAP*) bagi tujuan pembelajaran perkataan seerti dan seiras, berlawan dan berpasang dan peribahasa. Beliau juga menghasilkan permainan ‘Padankan Makna Peribahasa’ dengan menggunakan konsep permainan mahjong.

Sebagai ketua Jabatan Bahasa Ibunda di sekolah, beliau terlibat secara langsung dalam pembentukan kurikulum dan Rangka Kerja Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah. Pada tahun ini, beliau telah menggabungkan masa belajar bahasa Melayu dengan pengajaran Sivik dan Pendidikan Moral yang memberikan fokus kepada aktiviti membaca buku cerita yang mengandungi pengajaran dan nilai-nilai berlatarkan budaya Melayu.

Beliau telah mengetuai sekumpulan guru Bahasa Melayu yang menghasilkan pakej Pembelajaran Koperatif. Pakej ini turut menerapkan konsep penilaian holistik yang digunakan di sekolah. Beliau amat teruja melihat murid-muridnya terhibur dan seronok mempelajari Bahasa Melayu.



Cikgu Safidah telah berkongsi penggunaan media dalam pendidikan dan pendekatan holistik dalam komunikasi lisan semasa Persidangan Guru (*Teachers Conference*) 2010 dan 2012 di Singapura. Beliau turut diberi peluang menghadiri Persidangan Kajian Pengajaran Dunia yang diadakan di Hong Kong (2009) dan berkongsi kertas kerja di Brunei (2010) serta terpilih untuk mengikuti Persidangan ASCD di San Fancisco (2011) bersama sekolah-sekolah di kelompok Selatan 1 dan melawat sekolah-sekolah dan memahami sistem pendidikan di sana.

Membentangkan Kertas Kerja di WALS Brunei

Sumbangan Cikgu Safidah tidak terbatas kepada pembelajaran BM di sekolah. Beliau juga aktif bergiat mempromosikan bahasa dan budaya Melayu di peringkat akar umbi dan sebagai penyelaras Perhubungan dengan Masyarakat (*Partnership*), beliau telah berpeluang bekerjasama dengan Jawatan Kuasa Eksekutif Aktiviti Melayu (MAEC) Jalan Kayu. Sebagai penyelaras dalam projek Bulan Bahasa 2013, beliau dan pasukan guru bahasa Melayu sekolahnya telah menghantar usul dan rangka kerja bagi projek *Gema Bahasa: Pusaka Ibunda* (2013). Beliau berasa bahawa perjalanan kerjaya beliau belum berakhir. Selagi hayat dikandung badan, beliau akan meneruskan perjuangannya untuk melestarikan bahasa Melayu. Sesungguhnya ‘Gunakanlah bahasa Melayu dalam setiap ruang dan peluang’ - itulah pegangan dan falsafahnya.



Aktiviti Bersama Murid  
sebagai Fasilitator



Penggunaan Pakej Pembelajaran  
Koperatif di dalam bilik darjah

**Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2012**  
**Kategori Perangsang (Sekolah Menengah/Maktab Rendah)**



**Cikgu Massuniza Ismail**  
Sekolah Menengah Balestier Hill

Cikgu Massuniza telah mengajar selama enam tahun. Beliau merupakan penyelaras Unit Bahasa Melayu dan penyelaras Pendidikan Nasional di sekolah. Beliau juga menerajui Jabatan Bahasa Ibunda bersama guru kanan Bahasa Cina di sekolah.

Selain merancang program-program bahasa dan budaya, sebagai seorang penyelaras, Cikgu Massuniza telah mengambil kesempatan untuk melaksanakan projek *Learning Circle* (LC) dalam Jabatan Bahasa Ibunda. Sebagai contoh, pada tahun 2011, beliau bergabung tenaga dengan unit Bahasa Cina dan Tamil. Beliau memimpin jabatan tersebut untuk mengenal pasti kelemahan pelajar, melakarkan rangka dan mengambil tindakan untuk mengatasi kelemahan ini. Lantas, projek yang diberi tajuk 'Mengaplikasikan Teknik 5W1H1C1V dalam perbualan bergambar menerusi VoiceThread' terlaksana. Hasil projek ini dikongsi sewaktu LC Convention.

Sebagai penyelaras Pendidikan Nasional di sekolah, Cikgu Massuniza memastikan para pelajar dapat menghayati unsur-unsur budaya melalui *NExperience* yang dikendalikan untuk kohort pelajar menengah satu merangkumi kegiatan budaya yang pelbagai. Jawatankuasa ini juga menggerakkan projek Keharmonian Kaum pada tahap masyarakat setiap dua tahun. Hal ini membantu beliau meninggalkan kesan yang lebih luas. Pada tahun 2011, komiti beliau menerima *Top Team Outstanding Contribution Award* manakala Cikgu Massuniza memenangi *Outstanding Contribution Award (Individual)* atas usahanya dalam Jabatan Bahasa Ibunda dan Pendidikan Nasional.



Selain menyumbang tenaga di sekolah, Cikgu Massuniza juga bekerjasama dengan guru-guru di Kelompok Selatan (S5). Setiap tahun, beliau dan guru-guru kelompok akan menjalankan sesi intensif Peperiksaan GCE Peringkat ‘O’. Kegiatan-kegiatan lain seperti darmawisata di dalam maupun luar negara telah membantu para pelajar untuk meraih pengalaman yang berbeza. Pada tahun 2010 dan berikutnya, beliau menganjurkan ‘Klinik Lisan’ untuk para pelajar Empat Ekspres dan Lima Normal Akademik di kelompok tersebut melalui kaedah berpusatkan pelajar.

Di sekolah, Cikgu Massuniza menyertai waktu pengajaran berstruktur (*TimeTabled Time*) bagi Bahasa Ibunda (MTL TTT) dan guru kanan (ST TTT). Beliau menyumbang kepada perbincangan tentang pedagogi seperti *PETALS* dan *Skilful Teacher*. Pada tahun 2009, beliau berpeluang untuk menyertai program penyerapan ke Jakarta bersama guru-guru Bahasa Melayu dari sekolah-sekolah lain.

Sejajar dengan pembelajaran sepanjang hayat, beliau mempertingkatkan diri dengan mengikuti Program Sarjana Pendidikan (Bahasa Melayu) PDCM bermula tahun 2010. Pada tahun 2012, beliau merupakan salah seorang fasilitator bagi *Teacher-Leaders Summit*.

Sebagai seorang guru, beliau bermatlamat untuk membina akhlak dan akal budi pelajar. Melalui interaksi bersama para pelajar dan pengamatan peribadi, langkah-langkah diambil untuk menjadikan mereka individu yang kukuh dari sudut emosi. Amat penting bagi beliau untuk mendengar suara pelajar agar dapat mengenal pasti kekhawiran mereka dan tidak mematikan semangat mereka dalam proses pembelajaran. Selain itu, dengan mengukuhkan tingkah laku pelajar yang positif di dalam mahupun di luar bilik darjah, pelajar-pelajar terarah kepada pembinaan akhlak.



**Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2012**  
**Kategori Teladan (Sekolah Menengah/Maktab Rendah)**

**Cikgu Supandi Djoraemi**  
Sekolah Menengah Dunearn



Cikgu Supandi Djoeraemi telah berkecimpung dalam bidang pendidikan selama 20 tahun. Sebagai Ketua Jabatan Bahasa Ibunda dan kini, Guru Kanan di Sekolah Menengah Dunearn, beliau telah banyak menyumbang kepada pencapaian sekolahnya dari segi akademik dan estetika. Dedikasi beliau dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu terpancar melalui keputusan cemerlang yang diraih oleh para pelajar beliau bagi subjek Bahasa Melayu dalam peperiksaan GCE Peringkat 'O'. Di peringkat sekolah, beliau juga telah memenangi anugerah *MOE Outstanding Team Contribution Award (2003), Department Contribution Award (2010), dan Healthy Living Award (2009-2012)*.

Untuk mengembangkan potensi dan membina keyakinan diri pelajarnya, beliau telah mendedahkan pelajarnya kepada pengalaman autentik di luar bilik darjah seperti penyertaan dalam pertandingan bahas, mengarang, pidato, perkhemahan budaya, serta program penyerapan budaya ke luar negara seperti ke Sarawak dan Bandung.



Di bawah asuhan dan bimbingan beliau, para pelajarnya telah memenangi pertandingan di peringkat kelompok, zon dan juga di peringkat nasional seperti Pertandingan Pidato 2011, Pertandingan Sayembara Xpresi Citra 2012 (Zon Barat), dan Pertandingan Mengarang EDN 2012. Sebagai Guru penasihat Persatuan Budaya Melayu, beliau telah memainkan peranan yang signifikan di atas kejayaan sekolahnya meraih anugerah Emas (2009) dan Perak (2011) dalam Pertandingan SYF bagi tarian Melayu. Sebagai Penyelaras Estetika pula, beliau terlibat dalam perancangan pelbagai program estetika di sekolahnya.

Sumbangan Cikgu Supandi juga melangkaui batasan sekolah. Selain mengetuai kumpulan *Lesson Study* di sekolah, beliau juga sering berkongsi kepakaran dan pengetahuan pedagoginya serta giat mengendalikan bengkel-bengkel penulisan bagi para pelajar di peringkat kelompok dan zon seperti di Kelompok N7, W1/W7, S4, dan Madrasah Aljunied. Selaku Pengurus Sekolah-Sekolah Kelompok Barat 2, beliau juga terlibat dalam perancangan aktiviti kelompok seperti penerbitan majalah *Cetusan Minda*, Pertandingan Pidato dan Sesi Perkongsian Profesional. Platform ini memberi peluang kepada guru-guru untuk berkongsi bukan sahaja teknik mengajar yang inovatif tetapi juga kajian tindakan masing-masing.

Di peringkat nasional pula, beliau turut terlibat dalam perkongsian profesional yang dianjurkan oleh CPDD dan Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang seperti Simposium Bahasa dan Kesusastraan Melayu. Selaku anggota Kumpulan Fokus bagi Kesusastraan Melayu dan *Malay Literature Steering Committee* beliau juga menyumbang kepakaran dalam pengajaran kesusastraan Melayu.

Sebagai seorang pendidik pada era digital ini, Cikgu Supandi bertekad untuk memainkan peranan sebagai penyampai ilmu dan bertindak sebagai fasilitator untuk melengkapkan pelajar dengan ilmu dan kemahiran abad ke-21. Pada masa ini, beliau bukan sahaja perlu menguasai ilmu pengetahuan dalam bidang yang diceburi beliau tetapi juga perlu menguasai ilmu psikologi dan ICT supaya kekal relevan dan mampu mewujudkan persekitaran yang kondusif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.



**Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2012**  
**Kategori Teladan (Sekolah Menengah/Maktab Rendah)**



**Cikgu Muslim Hanafiah**  
Sekolah Menengah Yusof Ishak

'Kesungguhan dan Keikhlasan' menjadi pegangan Cikgu Muslim Hanafiah dalam menjalankan tugas sebagai pendidik sejak mula melangkah ke alam kerjaya dua puluh satu tahun yang lalu. Perkongsian ilmu dan pementoran yang menjadi nadi tugas sebagai Guru Peneraju ini juga ditebarkan kepada pendidik sekelompok dan zonal serta nasional.

Seminar-seminar dan Perkongsian Profesional yang menjadi wadah pertukaran ilmu pendidik temasuk sesi Perkongian Kelompok Barat 2 dan Timur 5 mengimbau bidang 'Kemahiran Penulisan Bahasa Melayu' dan 'Arif Budiman Dalam Kemahiran Alaf ke-21'. Dalam perkongsian bidang kesusasteraan Melayu pula, 'Pengajaran Kaedah Mengalami dan Menghayati' dikongsi dengan guru-guru Kesusasteraan Melayu di peringkat nasional dan 'Teater Dalam Sastera: Sebagai Pembina Pengetahuan Pelajar Mengenai Sejarah/Budaya dan Identiti Jati Diri Melayu', dikongsi di Institut Pendidikan Nasional(NIE).

Pementoran Pengajaran (*Instructional Mentoring*) yang berterusan dijalankan di sekolah beliau dengan menggunakan kaedah *Skillful Teacher* oleh *Jon Saphire* dan *Why Don't Students Like School?* oleh *Daniel T. Willingham* telah membolehkan beliau dan rakan-rakan Guru Pembimbing melahirkan sebuah pakej yang dinamakan *Teaching for R.E.A.L* sebagai panduan guru bagi mencapai kemahiran mengajar yang tinggi.

Pakej yang lengkap dengan rubrik matlamat dan standard serta senarai semak pengajaran yang menyeluruh bagi menghasilkan guru yang berfikir, berkualiti dan merefleksi diri demi melahirkan pelajar yang cemerlang.



Sebagai guru, beliau percaya bahawa bilik darjah hanyalah digunakan sebagai pencetus minda pelajar dalam memulakan penelusuran pencarian ilmu di luar kelas. Bilik darjah beliau yang diubah suai menjadi teater *blackbox* yang lengkap digunakan bagi menghidupkan teks-teks sastera dalam bentuk teater muzikal seperti *Cerita Berangkai* (2009), *Raja Bersiung* (2010), *Galuh Cendera Kirana* (2011) dan *Bayan Budiman Bercerita* (2012).

Beliau juga telah menggiatkan pelbagai usaha sama bersama rakan-rakan guru daripada semua golongan dan peringkat serta daerah. Beliau telah menjadi perintis projek-projek dan usaha sama yang memungkinkan pembinaan pelajar cemerlang. Kelompok Sokongan Sekolah-Sekolah Kesuasteraan (KSSK), Kelompok Barat 2, Kelompok Sokongan Nasional dan Kumpulan Sokongan Guru Pembimbing; mengizinkan beliau berfungsi dalam penyaluran idea dan tenaga serta kemahiran yang ada bagi menabur bakti dalam dunia pendidikan di Singapura.

Bagi Cikgu Muslim Hanafiah, tugas sebagai pendidik ini merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang perlu dijalankan bukan sahaja dengan usaha yang pelbagai tetapi harus juga diwarnai dengan kesungguhan dan keikhlasan.



*Calon Peringkat Akhir  
Anugerah Guru Arif Budiman 2012*



**Cikgu Nurhidaya Mohd Sidik**  
Guru Perangsang  
Sekolah Rendah Tampines



**Cikgu Juliana Johari**  
Guru Teladan  
Sekolah Rendah Qihua



**Cikgu Mohamed Hizammuddin  
Mohamed Yusof**  
Guru Perangsang  
Sekolah Rendah Qihua



**Cikgu Lokhman Haris  
Abdul Karem**  
Guru Perangsang  
Sekolah Menengah Pasir Ris

*Calon Peringkat Akhir  
Anugerah Guru Arif Budiman 2012  
Kategori Perangsang (Sekolah Rendah)*



**Cikgu Nurhidaya Mohd Sidik**  
Sekolah Rendah Tampines

Cikgu Nurhidaya menggunakan pelbagai kemahiran pedagogi dengan tujuan menimbulkan minat serta meningkatkan pengetahuan terhadap bahasa dan budaya Melayu dalam kalangan murid-murid beliau. Cikgu Nurhidaya meneroka penggunaan strategi drama dalam pembelajaran bahasa Melayu. Beliau menggunakan strategi drama untuk memupuk minat murid dalam pertuturan serta mengajak murid beliau berfikir secara kreatif, termasuklah strategi drama seperti *Teacher In Role* dan *Hot Seating*.

Selain itu juga, keprihatinan Cikgu Nurhidaya terhadap kebijakan dan keperluan murid-murid beliau tidak terbatas di dalam bilik darjah sahaja. Beliau menganjurkan sesi pengukuhan bahasa Melayu pada hujung minggu untuk membantu murid-murid beliau yang memerlukan sokongan dalam pembelajaran mereka.

Pada tahun 2011, Cikgu Nurhidaya mewakili jabatan untuk membentangkan kertas kerja di Jepun dan dilantik oleh pihak sekolah sebagai pembentang utama. Beliau juga berkongsi pengetahuan menggunakan strategi drama di Seminar Bahasa Melayu dan Persidangan Guru (*Teachers' Conference*) pada tahun 2010. Sewaktu mengikuti Program Penyerapan Budaya di Jepun pada bulan Disember tahun 2007, Cikgu Nurhidaya berkongsi pengetahuan tentang tarian Melayu dengan para pelajar Jepun.



Sebagai koordinator Program Kemasyarakatan (CIP), penolong penyelaras bagi jabatan CCE dan guru disiplin, beliau juga bekerjasama dengan badan-badan sukarela seperti *Food from The Heart* dalam kegiatan mengumpul dana untuk kanak-kanak yang datang dari keluarga yang kurang berkemampuan. Cikgu Nurhidaya juga memupuk nilai tanggungjawab dan sifat penyayang murid-murid beliau dengan mengajak mereka melawat Rumah Tumpangan Warga Tua Darul Takrim. Beliau juga melibatkan murid-murid dan pengawas untuk mengendalikan projek amal di sekolah. Cikgu Nurhidaya berharap dengan pendedahan sedemikian, murid-murid ini akan sentiasa memberikan sumbangan kepada masyarakat dan mempunyai sifat prihatin terhadap golongan yang memerlukan.

Cikgu Nurhidaya juga mempromosikan budaya di peringkat sekolah melalui Hari Keharmonian Kaum dan persesembahan Hari Raya Aidilfitri. Beliau juga berganding bahu dan menari dengan murid-murid beliau dari kelab tarian Melayu di sekolah. Sebagai guru tarian Melayu di sekolah, beliau sentiasa memberikan sokongan padu dan memberikan murid-murid beliau membuat persesembahan di peringkat sekolah mahupun di luar sekolah.

Sepanjang tujuh tahun Cikgu Nurhidaya berada dalam bidang perguruan ini, beliau telah memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan bahasa dan budaya Melayu sama ada di sekolah mahupun di luar sekolah. Beliau berharap sumbangannya sebagai seorang pendidik dapat mencerminkan nilai Arif dan Budiman.



*Calon Peringkat Akhir  
Anugerah Guru Arif Budiman 2012  
Kategori Teladan (Sekolah Rendah)*



**Cikgu Cikgu Juliana Johari**  
Sekolah Rendah Qihua

Cikgu Juliana Johari, ketua subjek Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Qihua, telah berkhidmat sebagai guru sejak tahun 2001. Untuk mengasah minat dan kemahiran murid dalam Bahasa Melayu, Cikgu Juliana melakarkan beberapa aktiviti termasuklah Program Pembelajaran Aktif seperti *Tanya Ahli Bomba* dan *Sesi bersama Juruhebah Radio*.

Program seperti ini memberikan satu pendedahan realisme kepada murid untuk memahami keadaan persekitaran mereka. Cikgu Juliana sentiasa meneroka kaedah baharu yang mampu mengasah kemahiran pelajar dan pada masa yang sama menyediakan suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

Untuk memastikan perkembangan murid dipantau secara menyeluruh, Cikgu Juliana memastikan kurikulum Bahasa Melayu di sekolah menerapkan kaedah penilaian holistik. Dengan terlibatnya sekolah beliau sebagai sekolah prototaip Penilaian Holistik sejak 2009, Cikgu Juliana aktif dalam sesi rangkaian untuk membincangkan dan berkongsi hasil perancangan pelan penilaian holistik.

Cikgu Juliana Johari juga telah bertanggungjawab mengembangkan dan meningkatkan kemahiran guru dengan mengenal pasti kekuatan dan kecenderungan setiap guru. Cikgu Juliana mengetuai beberapa projek kajian pengajaran dalam usaha meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Antara tajuk kajian yang dijalankan beliau ialah *Menggunakan Teknik Metakognitif untuk Membantu Murid Memahami Soalan Kefahaman*.

Cikgu Juliana bersama guru-gurunya telah terlibat dalam beberapa sesi perkongsian ilmiah. Pada tahun 2010, Cikgu Juliana telah berkongsi bersama beberapa madrasah mengenai perubahan skema penilaian lisan untuk peperiksaan PSLE. Cikgu Juliana juga telah mengusahakan beberapa rangkaian perkongsian bersama guru-guru tersebut.



Pada tahun 2011, beliau telah membimbing para guru untuk berkongsi di peringkat Zon dan Kelompok N5 mengenai Kajian Pengajaran dan Aktiviti Dwimingga Bahasa. Pada tahun 2012, beliau dan para guru telah berkongsi di peringkat nasional mengenai Penilaian Holistik, Portfolio Bacaan dan Kajian Pengajaran.

Pada tahun 2012, Cikgu Juliana telah merancang dan mengusahakan lawatan ke Sekolah Perempuan Sultan Ibrahim, Johor Bahru dan Jabatan Pelajaran Negara bersama guru-guru di Kelompok N5. Beliau telah membina rangkaian untuk kerjasama antara dua buah negara ini.

Cikgu Juliana amat prihatin terhadap kesejahteraan anak didiknya. Beliau kerap membuat lawatan ke rumah mereka untuk mengetahui keadaan para pelajarnya. Beliau melibatkan diri secara aktif dalam usaha memberi kaunseling kepada murid yang bermasalah. Beliau pernah dianugerahkan Guru Prihatin pada tahun 2006.

Tugas seorang guru amat penting dan mencabar. Sepanjang kerjaya mendidik anak bangsa, pelbagai cabaran dan hambatan yang beliau rasakan. Beliau berpendapat bahawa seorang guru harus memastikan anak didiknya dilengkapi dengan nilai murni dan kemahiran yang tinggi.



*Berkongsi di Excel Fest dan  
Sesi Bersama DJ-DJ Radio*



*Guru Yang Prihatin*

*Calon Peringkat Akhir  
Anugerah Guru Arif Budiman 2012  
Kategori Perangsang (Sekolah Rendah)*



**Cikgu Mohamed Hizammuddin  
Mohamed Yusof**  
Sekolah Rendah Qihua

Berprinsipkan ‘kejayaan seseorang murid ialah kejayaannya sendiri manakala kegagalan seseorang murid ialah kegagalan seorang guru yang mendidiknya’, Cikgu Mohamed Hizammuddin sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan prestasi akademik murid-murid beliau sambil menerapkan sifat kebudiman dalam diri mereka.

Beliau melakarkan program-program dan teknik-teknik unik seperti e-Jejak, Jejak Kata, Pesta Bahasa Qihua, Karangan (Strategi Segi), e-Belajar dan banyak lagi untuk menjadikan pembelajaran Bahasa Melayu sesuatu yang menarik dan mempertingkatkan prestasi para pelajar beliau.

Cikgu Mohamed Hizammuddin juga berpegang kepada prinsip ‘hiduplah untuk memberi sebanyak-banyaknya dan bukan menerima sebanyak-banyaknya’, berdasarkan kata-kata watak Pak Arfan dalam filem Laskar Pelangi. Beliau telah menganjurkan satu projek bersama para pelajar darjah 6 (Keluarga Bidai 2) mengumpul dana untuk salah seorang murid beliau dan kakak murid tersebut yang menghadapi penyakit Retinis Pigmentosa.

## WATAN

Guru lakukan projek inovatif sokong pembelajaran peribahasa



CARA MENARIK SELAYAH BAHASA MELAYU

BAGAI manusia, masyarakat memerlukan perbaikan yang berterusan. Memperbaiki diri bukanlah perkara mudah tetapi setiap perbaikan semestinya membawa perubahan positif. Beliau mengajar dalam bilik darjah, pelajaran bahasa Melayu merupakan segi aplikasi pengetahuan dan pengetahuan jalinan perpaduan sashti yang terdapat dalam peribahasa. Peribahasa merupakan salah satu bentuk klasik dalam budaya Melayu yang masih lagi digunakan meskipun tidak lagi berasaskan pada kebenaran sebenar tetapi tetap memberi makna dan pengajaran tentang kehidupan manusia.

Peribahasa yang dikenali sebagai "selayah" ini merupakan sebuah kumpulan peribahasa yang bersifat herediter dan bersifat tradisional. Ia merupakan suatu bentuk peribahasa yang diluluskan dari generasi ke generasi. Selain itu ia juga merupakan suatu bentuk peribahasa yang diluluskan melalui media tulisan dan buku dibanding dengan peribahasa yang diluluskan melalui media lisan. Peribahasa yang diluluskan melalui media tulisan dan buku biasanya diluluskan dengan cara ditulis dalam buku dan buku yang diberikan kepada orang lain.

Sejak itu, guru Setiausaha Menteri mengadakan aktiviti cara menarik dan berkesan untuk mengajar peribahasa. Beliau juga mengadakan projek perpaduan sashti yang bertujuan untuk menarik minat pelajar terhadap dan peringkatkan antara kepentingan peribahasa.

Projek yang dilancarkan oleh Setiausaha Menteri ini mendapat sambutan yang baik. Projek ini juga merupakan projek pertama yang dilancarkan oleh Setiausaha Menteri pada akhirnya ia turut mendapat pengiktirafan dan perkenaan untuk melaksanakan projek ini di sekolah. Projek ini dilaksanakan dengan kerjasama antara Setiausaha Menteri dan Kementerian Pendidikan Nasional (MOE) dan Sekolah Rendah Admiralty (N5).

Konsep dan Peranan Anterdisiplinari. Setiausaha Menteri dan bilik darjah yang diluluskan oleh Setiausaha Menteri ini pada akhirnya mendapat pengiktirafan dan perkenaan untuk melaksanakan projek ini di sekolah. Projek ini dilaksanakan dengan kerjasama antara Setiausaha Menteri dan Kementerian Pendidikan Nasional (MOE) dan Sekolah Rendah Admiralty (N5).


Selain pengajaran dalam bilik darjah, Cikgu Mohamed Hizammuddin juga aktif dalam kegiatan-kegiatan selain pendidikan. Beliau merupakan anggota Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura (KGMS), Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu (PGBM) dan Angkatan Sasterawan '50 (Asas '50). Beliau agak aktif dalam pengembangan bahasa Melayu dan sastera sehingga terpilih untuk menyertai Jawatankuasa Kecil, Baca! Singapura pada tahun 2005, 2010 dan 2011.

Beliau juga terlibat sebagai pengacara Pusingan Satu Kuiz Cepat Tepat 2011 (Zon Utara) dan pemudah cara projek Pesta Pidato anjuran Kelab Masyarakat Nee Soon South dalam kegiatan Bulan Bahasa 2010. Beliau juga merupakan pengurus projek Peraduan Penulisan Kreatif Bahasa Melayu 2011 Kelompok N5 anjuran Sekolah Rendah Qihua dengan kerjasama Asas '50. Kini, beliau sedang menguruskan Majlis Penyampaian Hadiah Sayembara Karangan Cilik (SKS) & Pelancaran Buku 2012 anjuran Asas '50.

Pada tahun 2011 dan 2012, Cikgu Mohamed Hizammuddin terlibat sebagai salah seorang pembentang dalam beberapa sesi perkongsian Kajian Pengajaran di Sekolah Rendah Admiralty (Kelompok N5) dan Pusat Bahasa Melayu (MOE Bishan) tentang Sistem Kenal Pasti Jawapan Secara Kognitif dalam Kefahaman Subjektif Soalan 39. Beliau juga terlibat dalam pameran penilaian holistik dalam MOE ExcelFest di Suntec City dari 30 hingga 31 Mei 2012.

Selain menceburi bidang perguruan, Cikgu Mohamed Hizammuddin juga menceburi bidang penulisan sajak dan cerpen. Kini, Iapan kuntum sajak dan empat buah cerpen beliau telah diterbitkan dalam Berita Harian/Berita Minggu dan beberapa buah buku.

Akhir kata, sesebuah anugerah seperti Anugerah Guru Arif Budiman, menjadi batu penanda dalam kerjaya seorang guru. Namun, Cikgu Mohamed Hizammuddin ingin terus menjadi seorang pendidik yang beramanah, beriltizam dan berwawasan untuk melestarikan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan sekolah di Kota Singa.



*Calon Peringkat Akhir  
Anugerah Guru Arif Budiman 2012  
Kategori Perangsang (Sekolah Menengah/Maktab Rendah)*



**Cikgu Lokhman Haris  
Abdul Karem**  
Sekolah Menengah Pasir Ris

Cikgu Lokhman menginginkan kelainan yang dapat dinikmati oleh anak didik beliau dengan menerapkan dan mengintegrasikan disiplin yang berbeza seperti muzik, drama dan teater dalam kelas. Pertama, untuk menyemarakkan lagi suasana pembelajaran dalam kelas Bahasa Melayu supaya anak didik beliau seronok dan sedia menerima apa yang disajikan. Kedua, untuk mencabar diri sebagai guru Inovasi dan Keusahawanan yang dapat melakarkan pakej pembelajaran yang kreatif lagi inovatif.

Gabungan disiplin yang dipilih jelas dilihat daripada pakej-pakej pembelajaran yang melibatkan projek-projek berbeza seperti Projek Anak Singapura (PAS) yang menggabungkan penggunaan ICT dan lakonan, Projek *Brownie* yang memerlukan pelajar memasak dan mengumpul dana dan Projek Drama-Mama yang memerlukan pelajar bermesra dengan lakonan dan unsur-unsur teater.



Beliau telah berkesempatan untuk membuat pembentangan di sesi-sesi perkongsian di peringkat kelompok dan juga nasional. Beliau telah diberikan peluang dan amanah untuk memegang jawatan Ketua Kumpulan Seni Persembahan di sekolah (*Sect Head Performing Arts dan Arts Enrichment Program*) sekaligus memberikannya pendedahan dalam aspek pentadbiran seperti perancangan, penelitian dalam pemilihan program yang berpaksi kepada minat, kebolehan dan profil pelajar.



Pelibatannya dalam domain seni telah memberi peluang untuk mencorak program seni yang mendedahkan pelbagai aspek budaya kepada pelajar. Program ini bukan hanya untuk penerimaan pelajar Melayu tetapi demi menyokong usaha Pendidikan Nasional, pelajar bangsa lain juga turut ikut serta. Gamelan, angklung, wayang kulit, batik dan pementasan drama bukanlah sesuatu yang asing bagi pelajar. Dengan sokongan dan peruntukan dana yang diberikan oleh pihak sekolah, pelbagai aktiviti dan lawatan untuk menonton persembahan dan pementasan berjaya dianjurkan sepanjang tahun. Beliau mengatakan bahawa setiap pelajar Sekolah Menengah Pasir Ris akan menamatkan pengajian dengan berbekalkan bukan sahaja ilmu tetapi pendedahan dan pengalaman yang menyeluruh.

Selain itu, beliau sempat bergabung tenaga dengan badan-badan yang berbeza untuk memberikan pelajar peluang dan ruang untuk mempamerkan bakat-bakat mereka. Balai Rakyat Tampines East, Dover dan Telok Blangah, dan The Arts House merupakan antara badan-badan yang banyak memberikan sokongan kepada pelajar, memberikan peluang kepada mereka untuk berlakon dan berkarya.

Pendidikan, bagi beliau, tidak sepatutnya terbatas dalam bilik darjah. Ilmu dan pengalaman yang diraih melalui pembelajaran mematangkan minda pelajar dan memantapkan lagi prestasi mereka. Pengalaman yang diraih sewaktu di bangku sekolah tidak dinafikan akan mencorak pemikiran seseorang dan memori ini akan menemaninya sepanjang hidup.



## *Menjunjung Budi*

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2012 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada panel penilai di peringkat akhir (wawancara):

1. Encik Yatiman Yusof  
Pesuruhjaya Tinggi ke Republik Kenya dan Duta ke Republik Rwanda
2. Profesor Madya Dr Hadijah Rahmat  
Timbalan Pengurus, Majlis Bahasa Melayu, Singapura dan Timbalan Ketua, Bahasa dan Budaya Asia, Institut Pendidikan Nasional (NIE)
3. Encik Yahya Aljaru  
Mantan Timbalan Pengarah Bahagian Sekolah
4. Encik Mohd Raman Daud  
Ketua Seksyen, Berita Harian
5. Cikgu Mohd Naim Daipi  
Guru Pakar Pesara

Sekalung budi juga kami ucapkan kepada panel penilai peringkat saringan :

1. Puan Yazilah Amir  
Pengetua, Sekolah Rendah Bukit Timah
2. Dr Mohd Mukhlis Abu Bakar  
Penolong Profesor, Bahasa dan Budaya Asia, Institut Pendidikan Nasional (NIE)
3. Puan Rasidah Abdul Rahim  
Naib Pengetua, Sekolah Rendah Zhangde
4. Puan Haslindah Mispan  
Ketua Unit Bahasa Melayu, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura (MOE)
5. Cikgu Abdul Malek Ahmad  
Setiausaha Agung, Kesatuan Guru Bahasa Melayu (KGMS)

## *Menjunjung Budi*

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2012 mengucapkan terima kasih kepada individu dan pertubuhan yang berikut:

### **Ilham dan Karya Tembikar AGAB**

Encik Sazali Rahmat (Sekolah Menengah Juying)  
Puan Nur Ashikin Buang (Sekolah Menengah Juying)

### **Gambar & Kreatif Bahan Seranta**

Encik R Azmann A Rahman (CPDD, MOE)

### **Pengacara Majlis AGAB**

Encik Riz Sunawan (Mediacorp)  
Adik Nur Athirah Karim (Sekolah Rendah Telok Kurau)

### **Persembahan dalam Majlis AGAB**

Kumpulan Tarian Melayu (Sekolah Menengah Anderson)  
Keroncong D Temasek Kelab Masyarakat Tampines West

### **Sokongan Urusan Pentadbiran**

Perpustakaan Negara (NLB)  
Kesatuan Guru Melayu Singapura (KGMS)

# ANJURAN BERSAMA



MAJLIS BAHASA  
MELAYU, SINGAPURA  
(MBMS)



JAWATANKUASA  
PEMBELAJARAN DAN  
PENGALAKAN PENGGUNAAN  
BAHASA MELAYU  
(MLPC)



PERSATUAN GURU-GURU  
BAHASA MELAYU  
(PGBM)

